

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Malaysia perlu bayar pendahuluan vaksin RM94.08 juta

Kuala Lumpur: Malaysia perlu menjelaskan bayaran pendahuluan dan jaminan perkongsian risiko berjumlah RM94.08 juta untuk menyertai pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, COVAX.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, bagaimanapun berkata pada masa ini, Kementerian Kesihatan (KKM) sedang memuktamadkan tarikh menandatangani perjanjian itu bersama Pakatan Vaksin Global (GAVI).

"Jemaah Menteri pada 14 Oktober lalu bersetuju Malaysia menyertai fasiliti COVAX yang bakal memberi jaminan bekalan vaksin untuk 10 peratus populasi Malaysia.

"Jemaah Menteri juga bersetuju supaya KKM mewakili kerajaan memuktamadkan perjanjian tersebut.

"Jabatan Peguam Negara juga ditugaskan menyemak terma serta syarat perjanjian, ditetapkan GAVI. Selepas dibuat proses semakan, Jemaah Menteri memutuskan pada 13 November lalu supaya Malaysia, melalui KKM memuktamadkan penyerahan dalam COVAX dengan menandatangani perjanjian Optional Purchase Arrangement.

"Keputusan untuk Malaysia menyertai fasiliti ini akan membayarkan kos merangkumi bayaran pendahuluan dan jaminan perkongsian risiko berjumlah AS\$22,656,200 atau setara anggarannya RM94.08 juta," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) meminta kerajaan menyatakan kos penyerahan Malaysia dalam COVAX.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, jaminan akses awal kepada bekalan vaksin COVID-19 adalah penting untuk melindungi rakyat daripada penularan wabak itu dan seterusnya membantu merencanakan ekonomi negara.

Jemaah Menteri pada 14 Oktober lalu bersetuju Malaysia menyertai fasiliti COVAX yang bakal memberi jaminan bekalan vaksin untuk 10 peratus populasi Malaysia.

Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Penularan COVID-19

MySejahtera bantu KKM kesan 9,167 kes positif

Pengesanan melalui aplikasi dilaksana dengan dua kaedah

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Aplikasi MySejahtera membantu Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 9,167 kes positif COVID-19, setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pengesanan kes positif melalui aplikasi itu dilaksanakan dengan dua kaedah.

Kaedah pertama, katanya, penilaian kesihatan sendiri oleh pengguna yang membolehkan kes COVID-19 dikesan apabila seseorang menilai risiko terhadap penyakit berkenaan, mengikut kriteria dalam garis panduan KKM.

Beliau berkata, kaedah kedua membolehkan pengesanan kontak rapat melalui semakan data oleh pejabat kesihatan daerah dengan pangkalan data MySejahtera.

Dr Noor Hisham berkata, 1,561 kes berjaya dikesan dan

disahkan positif COVID-19 dengan menggunakan kaedah penilaian kesihatan sendiri.

Katanya, sebanyak 7,606 kes COVID-19 dikesan positif melalui kaedah pengesanan kontak menggunakan MySejahtera.

"Secara puratanya, kes yang dikesan adalah 18.2-44.3 peratus dan peraturannya berubah dari semasa ke semasa kerana bergantung kepada jumlah kes harian serta jumlah kes yang menggunakan MySejahtera.

"Untuk tujuan pengesanan kontak, data MySejahtera yang diperlukan akan disalurkan kepada pejabat kesihatan daerah untuk membantu aktiviti lapangan. Data itu akan dianalisis bersama penemuan siasatan lapangan dan seterusnya, menyumbang kepada aktiviti pengesanan kontak.

"Data pengesanan kontak dikumpul melalui modul MySejahtera Check-In apabila rekod kehadiran penguji disimpan melalui imbasan kod QR yang dipaparkan di semua premis," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Mengambil contoh penularan baru-baru ini, Dr Noor Hisham berkata, penggunaan aplikasi MySejahtera membantu KKM mengesan 17,260 pengguna mengunjungi pusat beli-belah yang



Dr Noor Hisham Abdullah

terbabit dalam Kluster Utama bagi tempoh tertentu.

Katanya, daripada jumlah itu 1,343 individu dikenal pasti untuk penilaian lanjut oleh pejabat kesihatan daerah.

Beliau berkata, 457 orang daripada mereka disahkan kontak rapat kepada kes positif Kluster Utama dan ujian persampelan seterusnya mengesahkan 221 kes positif COVID-19.

Katanya, daripada 236 kes positif COVID-19 bagi Kluster Utama yang diumumkan pada hari yang sama, 221 kes atau 93 peratus dikesan menggunakan aplikasi pintar MySejahtera.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, aplikasi itu mendapat sambutan amat menggalakkan daripada semua lapisan masyarakat dan

sehingga semalam, ia mencapai 23,953,970 pengguna serta tanggungan yang berdaftar dan 1,058,853 premis perniagaan berdaftar.

"Setakat ini, MySejahtera merekodkan 17 bilion jumlah kumulatif check-in ke premis berdaftar menggunakan imbasan kod QR dengan purata 15 juta check-in sehari.

"Selain itu, ia membantu merungkai 523,000 persoalan pengguna. Aplikasi ini berjaya mendapat penarafan 4.7 bintang dalam aplikasi Apple Store dan Google Playstore," katanya.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, aplikasi MySejahtera menerapkan ciri-ciri keselamatan yang mematuhi piawaian global untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan data.

Beliau berkata, data yang dikumpul melalui MySejahtera bagi tujuan pengesanan kontak saja dengan kuasa mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Perubatan 1971.

Katanya, maklumat peribadi pengguna yang dikumpulkan dilindungi oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

"Data Check-In yang dikumpulkan akan diarkibkan selepas 30 hari dan akan dihapuskan selepas 90 hari," katanya.

1,290 jangkitan baharu, 4 kematian

Putrajaya: Sebanyak 1,290 kes positif COVID-19 baharu dilaporkan semalam dengan empat kematian memabatkan kluster sedia ada.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Sabah mencatatkan 660 kes dan Selangor 407 kes menjadikan 1,067 jangkitan daripada keseluruhan kes.

Katanya, kes kumulatif mencecah 51,680, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajangkitan COVID-19 pula 13,222 kes.

"Kes yang tinggi di Sabah berpunca daripada kluster berkaitan pusat tahanan sementara (PTS), lokap dan penjara (250), manakala peningkatan kes di Selangor berpunca daripada Kluster Teratai (245) dan kluster baharu pada hari ini (semalam), iaitu Kluster Kapas BJ (55).

"Kedua-dua kluster itu berkaitan tempat kerja yang memabatkan bukan warganegara," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata,

269 kes atau 20.9 peratus yang dilaporkan semalam berkaitan kluster di PTS, lokap dan penjara.

Katanya, ini memabatkan Kluster Penjara Sandakan (218), Kluster Matambai (15), Kluster Tembok (15), Kluster Penjara Kepadang (sembilan), Kluster PTS Tawau (enam), Kluster Benteng PK (tiga), Kluster GK Tawau (dua) dan Kluster Penjara Seberang Perai (satu).

Beliau berkata, daripada jumlah kes semalam, lima kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dan 1,285 kes pula penularan COVID-19 dalam negara.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, ada empat kes kematian berkaitan COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia sebanyak 326 kes atau 0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, dua daripada kematian itu memabatkan pesakit di Sabah, iaitu pesakit wanita berusia 29 tahun yang menghidap

penyakit buah pinggang kronik, meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent.

Beliau berkata, seorang lagi pesakit wanita warga asing berusia 47 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan meninggal dunia di Hospital Lahad Datu.

Dr Noor Hisham berkata, Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang juga mencatatkan kematian berkaitan COVID-19, iaitu seorang wanita berusia 62 yang menghidap penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit buah pinggang kronik, dan obesiti.

Katanya, seorang lagi pesakit yang maut ialah seorang lelaki berusia 58 tahun di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

Beliau berkata, lelaki itu mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia dan penyakit buah pinggang.

Dr Noor Hisham berkata, 878 kes sembuh dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh daripada

COVID-19 ialah 38,132 kes atau 73.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, empat kluster baharu direkodkan semalam, manakala enam lagi disiytharkan tamat.

"Empat kluster baharu dikenal pasti iaitu Kluster Kapas BJ di Selangor, Kluster Prestij di Kuala Lumpur, Kluster Bah Chiam di Perak dan Kluster Kaibang di Johor, menjadikan jumlah kluster aktif sebanyak 165 kluster.

"Daripada jumlah itu sebanyak 54 kluster melaporkan pertambahan kes. Kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi ialah Kluster Teratai (245), Kluster Penjara Sandakan (215), dan Kluster Kapas BJ (55)," katanya.

Beliau berkata, enam kluster disiytharkan tamat ialah Kluster Umboo, Kluster Bah Mutiara, Kluster Khazanah, Kluster Jalan Pantai, Kluster Bah Bangat dan Kluster Bah Kasturi, menjadikan jumlah kluster tamat sebanyak 154 kluster.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : COVID-19

PUSAT 100 KATIL



KAKITANGAN Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyusun katil bagi mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah di Kompleks Masyarakat Penyayang, Georgetown. Ketua Menteri Pulau Pinang Chow Kon Yeow berkata, pusat kuarantin tersebut dibuka atas permintaan KKM dan akan diserahkan kepada kementerian itu. Sebanyak 100 buah katil disediakan bagi menampung pesakit Covid-19 di Kompleks Masyarakat Penyayang berkenaan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19



KAKITANGAN syarikat membantu mengagihkan bekalan makanan yang disediakan untuk penghuni di asrama pekerja syarikat sarung tangan Top Glove di Klang.

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 1,290 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu kepada 51,680 kes dengan jumlah kes aktif 13,222 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, lima kes import dilaporkan manakala 1,285 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Dua negeri mencatatkan kes tertinggi hari ini iaitu Sabah (660 kes) dan Selangor (407 kes).

Pelaporan kes yang tinggi di Sabah berpunca daripada kluster berkaitan Pusat Tahanan Sementara (PTS), lokap dan penjara (250 kes).

"Peningkatan kes di

SABAH REKOD 660 JANGKITAN

Catat 1,290 kes baharu Covid-19 semalam

Selangor pula berpunca daripada Kluster Teratai (245 kes) dan sebuah kluster baharu hari ini iaitu Kluster Kapas BJ (55 kes). Kedua-dua kluster itu adalah kluster berkaitan tempat kerja membabitkan bukan warganegara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 269 kes atau 20.9 peratus yang dilaporkan semalam adalah berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS), lokap dan penjara.

"Ia membabitkan Kluster

Penjara Sandakan (218 kes), Kluster Matambai (15 kes), Kluster Tembok (15 kes), Kluster Penjara Kepayan (9 kes), Kluster PTS Tawau (6 kes), Kluster Benteng PK (3 kes), Kluster GK Tawau (2 kes) dan Kluster Penjara Seberang Perai (1 kes)," katanya.

Beliau berkata, terdapat 110 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 37 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 878 kes dilaporkan pulih hari ini menjadikan jumlah


kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 38,132 kes atau 73.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat empat kes kematian dilaporkan hari ini membabitkan tiga wanita serta seorang lelaki yang mempunyai latar belakang penyakit kronik berusia antara 29 hingga 62 tahun di Sabah, Johor serta Perak.

"Kes itu menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 326 kes atau 0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.



PEKERJA syarikat sarung tangan Top Glove yang menetap di asrama syarikat berbaris menunggu giliran untuk ujian saringan Covid-19 semalam.



PETUGAS kesihatan membuat ujian saringan di asrama pekerja syarikat sarung tangan Top Glove yang terlibat dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selepas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan 215 kes positif Covid-19 di kawasan berkenaan.

Kerajaan muktamad sertai Covax

Kuala Lumpur: Kerajaan memuktamadkan penyertaan dalam Fasiliti Akses Global Vaksin Covid-19 (Covax) dengan menandatangani perjanjian *Optional Purchase Arrangement*.

Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti) Khairy Jamaluddin berkata, ketika ini tarikh untuk menandatangani perjanjian itu sedang dimuktamadkan.

Katanya, Jemaah Menteri pada 14 Oktober lalu bersetuju agar Malaysia menyertai Covax yang bakal memberi jaminan bekalan vaksin untuk 10 peratus populasi Malaysia.

"Jemaah Menteri juga bersetuju agar Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM) mewakili kerajaan Malaysia untuk memuktamadkan perjanjian penyertaan Malaysia ke dalam Covax bersama Pakatan Vaksin Global (GAVI) dan Jabatan Peguam Negara ditugaskan untuk menyemak terma serta syarat-syarat perjanjian ditetapkan," katanya.

Menurutnya, keputusan untuk Malaysia menyertai fasiliti ini akan membabitkan kos yang merangkumi bayaran pendahuluan dan *risk sharing guarantee* berjumlah US\$22.656,200 atau secara anggaran RM94.08 juta.

"Jaminan akses awal bekalan vaksin Covid-19 adalah penting untuk

melindungi rakyat Malaysia daripada penularan wabak dan selanjutnya membantu merencanakan ekonomi negara apabila vaksinasi dijadikan syarat untuk pergerakan dan perhubungan di peringkat global," katanya dalam Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, penyertaan Malaysia di dalam platform multilateral, Covax adalah pendekatan pelbagai hala yang bakal membuka ruang untuk negara mempelbagaikan pilihan serta mengurangkan risiko daripada memberikan tumpuan kepada kaedah bilateral saja dalam pemerolehan vaksin Covid-19.

Sebelum ini beliau berkata, Jawatankuasa Khas Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKAV) yang ditubuhkan pada 14 Oktober lalu bersetuju membahagikan kepada tiga fasa keutamaan iaitu kumpulan barisan hadapan iaitu kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi bukan KKM seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan lain-lain.

Ia membabitkan kumpulan berisiko tinggi seperti individu yang mempunyai co-mobid dan warga emas. Manakala kumpulan ketiga membabitkan populasi dewasa yang lain.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Cari tarikh terbaik sertai Covax, bayaran pendahuluan RM94.08 j

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) bersama agensi *Global Alliance for Vaccine and Immunisation* (GAVI) sedang mencari tarikh terbaik bagi menandatangani perjanjian untuk menyertai pelan peruntukan vaksin Covid-19 global, Covax.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, melalui penyertaan itu bakal memberikan jaminan kepada Malaysia untuk mendapatkan vaksin bagi 10 peratus populasi negara ini.


“Buat masa ini, KKM dan pihak GAVI sedang memuktamadkan tarikh bagi menandatangani perjanjian ini,” katanya pada sesi soal jawab di sidang

Dewan Rakyat semalam.

Khairy berkata demikian ketika menjawab soalan Lim Guan Eng (**PH-Bagan**) yang meminta beliau menyatakan sama ada Malaysia menyertai inisiatif Covax yang disokong oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi membolehkan 20 peratus daripada penduduk sesebuah negara menerima vaksin Covid-19 sebaik sahaja tersedia.

Tambah Khairy, keputusan untuk Malaysia menyertai fasiliti itu membabitkan kos merangkumi bayaran pendahuluan dan jaminan perkongsian risiko berjumlah AS\$22,656,200 atau secara anggarannya RM94.08 juta.

MALAYSIA dijangka menerima vaksin Covid-19 bermula awal tahun depan. – GAMBAR HIASAN



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Sabah, Selangor catat kes tertinggi

Daripada 1,290 kes, sebanyak 660 kes dilaporkan di Sabah manakala 407 kes di Selangor

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN



DR NOOR HISHAM

PUTRAJAYA

Sebanyak 1,290 kes jangkitan baharu koronavirus (Covid-19) dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan itu men-

jadikan jumlah keseluruhan kes sebanyak 51,680 dan kes aktif adalah 13,222 kes.

Menurutnya, Sabah dan Selangor merekodkan kes tertinggi dengan masing-masing mencatatkan 660 dan 407 kes.

"Pelaporan kes yang tinggi di Sabah berpunca

daripada kluster-kluster berkaitan Pusat Tahanan Sementara (PTS), lokap dan penjara iaitu 250 kes.

"Peningkatan kes di Selangor pula berpunca daripada Kluster Teratai dengan 245 kes dan Kluster Kapas 55 kes," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kedua-dua kluster tersebut adalah kluster berkaitan tempat kerja yang melibatkan bukan warganegara.

Katanya, sebanyak 269 kes yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS), lokap dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Sandakan (218 kes), Kluster Matambai

9,167 kes positif dikesan menerusi MySejahtera

PUTRAJAYA - Sebanyak 9,167 kes positif Covid-19 berjaya dikesan menerusi aplikasi MySejahtera.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, secara puratanya, kes yang dikesan adalah 18.2 hingga 44.3 peratus.

"Peraturan berubah dari masa ke masa kerana ia bergantung kepada jumlah kes harian serta jumlah kes yang menggunakan MySejahtera," katanya semalam.

Menurutnya, untuk tujuan pengesanan kontak, data MySejahtera yang diperlukan akan disalurkan kepada pusat kesihatan daerah

(PKD) untuk membantu aktiviti lapangan.


"Data akan dianalisa bersama dengan penemuan siasatan lapangan dan seterusnya menyumbang kepada aktiviti pengesanan kontak," katanya.

Beliau berkata, data-data pengesanan kontak dikumpul melalui modul MySejahtera Check-In di mana rekod kehadiran pengunjung disimpan melalui imbasan kod QR yang dipaparkan di semua premis.

"Aplikasi MySejahtera menerapkan ciri-ciri keselamatan yang mematuhi piawaian global untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan data," katanya.

(15 kes), Kluster Tembok PTS Tawau (6 kes), Kluster dan Kluster Penjara (15 kes), Kluster Penjara Benteng PK (3 kes), Seberang Perai (1 kes)," Kepadayan (9 kes), Kluster Kluster GK Tawau (2 kes), katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : DALAM NEGERI

Selangor kedua tertinggi 407 kes positif Covid-19

PUTRAJAYA: Selangor mencatatkan negeri kedua tertinggi selepas Sabah dengan 407 kes daripada Kluster Teratai (245 kes) dan satu kluster baharu, Kluster Kapas BJ (55 kes) berkaitan tempat kerja melibatkan bukan warganegara.

Jumlah kes itu sekali gus melonjakkan semula keseluruhan kes positif di negara ini semalam iaitu 1,290 kes dengan kes aktif kebolehsangkitan pula sebanyak 13,222 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sabah kembali merekodkan kes tertinggi dengan 660 kes berpunca daripada kluster-kluster berkaitan pusat tahanan sementara (PTS), lokap dan penjara (250 kes).

Menurut beliau, sebanyak empat kematian direkodkan dengan empat lagi kluster baharu dicatatkan iaitu Kluster Kapas BJ di Hulu Langat, Selangor dengan kes indeks merupakan seorang pekerja kilang (76 kes) dan Kluster Prestij pula melibatkan pekerja-pekerja di sebuah syarikat pembersihan di Lembah Pantai dan Titiwangsa, Kuala Lumpur (20 kes).

Selain itu katanya, Kluster Bah Bercham pula direkodkan di Perak (lima kes) dan Kluster Kiambang di Mersing, Kota Tinggi dan Johor Bahru, Johor (sembilan kes).

“Sehingga hari ini terdapat 319 kluster dilaporkan dengan 165 kluster daripadanya adalah kluster aktif dengan 54 kluster



NOOR HISHAM ABDULLAH

ada pertambahan kes.

“Sebanyak enam kluster disyiharkan tamat iaitu Kluster Umboo, Kluster Bah Mutiara, Kluster Khazanah, Kluster Jalan Pantai, Kluster Bah Bangat dan Kluster Bah Kasturi sekali gus menjadikan jumlah kluster tamat sebanyak 154 kluster,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Perkembangan kes positif di negeri-negeri lain pula kata beliau, Kuala Lumpur (72 kes), Perak (48 kes), Negeri Sembilan (32 kes), Kelantan (17 kes), Labuan dan Johor (15 kes), Pulau Pinang dan Sarawak (lapan kes), Kedah (tujuh kes) dan Melaka (satu kes).

Noor Hisham memberitahu, sebanyak 9,167 kes positif Covid-19 dikesan melalui aplikasi pintar MySejahtera sejak dilancarkan 20 April lalu.

Kata beliau, sebanyak 23.9

juta pengguna serta tanggungan berdaftar dan 1.05 juta premis perniagaan berdaftar dengan merekodkan 1.7 bilion jumlah kumulatif daftar masuk ke premis-premis berdaftar menggunakan imbasan kod QR dengan purata 15 juta daftar masuk sehari.

Beliau berkata, aplikasi itu membantu merungkai 523,000 persoalan pengguna dan berjaya mendapat penarafan 4.7 bintang di dalam aplikasi Apple Store dan Google Playstore.

“Aplikasi MySejahtera banyak membantu Kementerian Kesihatan apabila 1,561 kes berjaya dikesan dan disahkan positif dengan menggunakan kaedah penilaian kesihatan sendiri selain 7,606 kes dikesan positif melalui kaedah pengesanan kontak,” katanya.

Menurut Noor Hisham, untuk tujuan pengesanan kontak, data MySejahtera yang diperlukan akan disalurkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) untuk membantu aktiviti lapangan.

Katanya, data tersebut akan dianalisis bersama dengan penemuan siasatan lapangan dan seterusnya menyumbang kepada aktiviti pengesanan kontak dan dikumpul melalui modul MySejahtera Check-In.

Sebagai contoh jelas beliau, untuk Kluster Utama, seramai 17,260 pengguna dikenal pasti melalui aplikasi itu sebagai pengunjung ke pusat beli-belah terlibat dalam suatu tempoh masa tertentu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS



Residents wearing masks while buying food at the Seremban market yesterday. BERNAMA PIC

LOCAL TRANSMISSIONS

1,290 CASES RECORDED

Figures doubled from Wednesday's 660 cases

DAWN CHAN
AND DHESEGAAN BALAKRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE number of new Covid-19 cases has surged to four digits again, recording 1,290 infections up to noon yesterday. The figures had doubled from Wednesday's 660 cases, raising the tally to 51,860, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Most of the new cases were local transmissions (1,285), while the rest involved patients who

had been infected abroad.

Cases with active infectivity stood at 13,222, Dr Noor Hisham said.

"Two states have the highest number of cases today (yesterday): Sabah with 660 cases and Selangor, 407 cases.

"Clusters related to temporary detention centres, lock-ups and prisons are the main contributor to cases in Sabah with 250 cases.

"The spike in cases in Selangor is due to the Teratai cluster with 245 cases, and the new Kapas cluster (55 cases). These two clusters are workplace-related and involve foreigners."

He said 269 cases, or 20.9 per cent, reported yesterday were linked to clusters at temporary detention centres, lock-ups and prisons.

Four new clusters were detected yesterday, with two of them —

Kapas BJ cluster and the Prestij cluster — detected in the Klang Valley. The other two are the Bah Bercham cluster in Perak and the Kiambang cluster in Johor.

He said there were 165 active Covid-19 clusters.

On fatalities, he said three women and a man died yesterday, raising the death toll to 326.

He said the three female patients were a 29-year-old with chronic kidney disease who died at Duchess of Kent Hospital in Sabah; a 47-year-old with diabetes died at Lahad Datu Hospital, and a 62-year-old from Johor who had underlying illnesses, died at Enche Besar Hajjah Khalsom Hospital in Kluang.

The male patient, 58, from Perak died at Raja Permaisuri Bainun Hospital.

The total number of recoveries is 38,132.

CONTACT TRACING

MySejahtera app helped detect 9,167 Covid-19 cases

KUALA LUMPUR: The MySejahtera app detected 9,167 Covid-19 cases, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday.

He said the app had helped the Health Ministry to identify Covid-19 cases through two methods.

The first method, he said, was self-assessment of health by users, in which Covid-19 cases were detected when a person's assessment suggested a risk to Covid-19 based on the ministry's guidelines.

He said up to Wednesday, the app had detected 1,561 cases (3.1 to 6.5 per cent), who were identified and confirmed positive for Covid-19 via this method.

The second method, he said, involved close-contact tracing, through which users who were potential close contacts of positive cases could be traced through the application.

"The data required from MySejahtera is channelled to district health offices to help field activities for contact tracing.

"The data from contact tracing will be gathered using the MySejahtera check-in module, where records of visitors on premises are collected using the QR code scan placed at every location.

"Up to Nov 18, 7,606 cases (15.1 to 37.8 per cent) have been detected through the contact-tracing method using MySejahtera."

He cited the Utama cluster from the One Utama shopping mall as a "success story" that demonstrated the effectiveness of the app.

"For the Utama cluster, the app helped identify 17,260 users who had visited the mall within the time frame.

"Of the total, 1,343 people were identified for assessment by the district health office, from which 457 people were verified as close contacts of the cluster's positive cases.

"The screening process found that 221 of them tested positive for Covid-19. We tracked them down on the same day when the cluster was announced using the app."

He said the app had received an encouraging response from the public since its launch on April 20.

"The app has recorded 23,953,970 users and another 1,058,853 registered business premises up to Nov 18.

"It has recorded 1.7 billion cumulative check-ins to registered premises using the QR code scan with an average of 15 million check-ins daily."

He said the data collected would be used only for contact-tracing purposes, in accordance with the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 and Medical Act 1971.

"The data of check-ins collected will be archived for 30 days and will be erased after 90 days," he said.



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

MySejahtera's role in pandemic

DG: App's features aid with contact tracing via check-ins and self assesment

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Over 9,000 of the country's Covid-19 cases were detected through the MySejahtera application since it was launched on April 20, the Health Ministry said.

In a statement, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said most of the 9,167 cases were identified through the app from contact tracing activities.

"The MySejahtera app has helped the ministry to identify Covid-19 cases through two methods. One through contact tracing, where the district health office uses the MySejahtera database.

"Users who are potential close contacts of a Covid-19 patient can also be traced through the app. As of Nov 18, the ministry has detected 7,606 cases through this method," said Dr

Noor Hisham.

Another 1,561 cases were traced through the app's self-assessment feature.

"With the app health self-assessment, a positive case can be detected after the user finds they are at risk based on the ministry's guideline," said Dr Noor Hisham.

The Utama cluster, which originated from 1Utama shopping mall in Petaling Jaya, saw a total of 221 cases identified from MySejahtera.

"A total of 1,343 individuals who visited the mall were earmarked for further assessment by the district health office. From that amount, 457 were classified as close contacts under the Utama cluster.

"Sample tests confirmed that 221 were cases detected, out of the 457," said Dr Noor Hisham.

Dr Noor Hisham also gave the assurance

that MySejahtera app adheres to global standards in terms of data privacy and safety.

The MySejahtera has recorded 1.7 billion cumulative check-ins using its QR code feature at registered premises, with an average of 15 million check-ins a day.

Earlier, Dr Noor Hisham announced the country has recorded 1,290 new Covid-19 cases yesterday.

This marks a return to four digits, after reporting 660 cases the day before.

Prior to that, the country experienced four figures in its daily Covid-19 cases for five straight days.

Sabah has the highest number, reported 660 new cases with 250 cases from the clusters related to temporary detention centres, lock-ups and prisons.

Selangor has 407 cases, of which more than half (245 cases) were from the Teratai cluster

and 55 cases were from the newly-detected Kapas B1 cluster.

"Both clusters involved infections at workplaces involving foreigners," said Dr Noor Hisham.

The Health Ministry detected four new infection clusters yesterday in Selangor, Kuala Lumpur, Perak and Johor.

There were four Covid-19 fatalities - two in Sabah and one each in Johor and Perak. The country's death toll is now 326.

There were 878 patients discharged, with total recoveries standing at 38,132.

Active cases in the country have gone up to 13,222.

Cumulatively, Malaysia's Covid-19 cases have reached 51,680.

Currently, 110 people are being treated at intensive care units, with 37 of them requiring ventilator support.

Ismail Sabri: Failure to wear a mask still tops list of offences amid pandemic

KUALA LUMPUR: Failure to wear a face mask in public topped the list of offences taken against 289 individuals for violating the movement control order, said Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Compounds were issued to 277 individuals while 11 were remanded.

One was released on police bail on Wednesday.

"Among other offences were not maintaining physical distancing as well as travelling inter-state and inter-district without permission.

"The compliance operation task force led by the police performed 53,597 inspections nationwide on Wednesday, including at 3,548 supermarkets, 4,668 restaurants and 3,291 banks," he said in a statement yesterday.

On Ops Benteng, Ismail Sabri said 35 undocumented immigrants and a smuggler were detained on Wednesday.

"Authorities also seized nine land vehicles. A total of 274 roadblocks were conducted nationwide," he added.

Meanwhile, 70,939 individuals returned to Malaysia since July 24.

"A total of 10,498 people are still undergoing mandatory quarantine at 73 hotels and 22 public training institutes.

"A total of 404 people were sent to the hospital for treatment while 60,037 people have been discharged and allowed to go home," he said.

On public sanitisation, Ismail Sabri said 11,600 operations were conducted in 137 zones since March 30.

"A total of 13,858 locations have been sanitised, including 2,826 business centres, 1,644 housing areas and 6,297 government buildings," he added.

On the supply of necessities, Ismail Sabri said 662 checks on 12 types of items were conducted by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry on Wednesday.

"The supply of items is sufficient to meet the demands of consumers," Ismail Sabri said.

The ministry also checked 1,143 premises and discovered all adhered to the standard operating procedure, he added.



Safety measure

Army personnel setting up a barb wire border while cordoning off the Jelapang Meru 2C Ipoh housing area ahead of enhanced MCO. - RONNIE CHIN/The Star

'Targeted screening of foreign workers a more viable approach'

GEORGE TOWN: A "targeted approach" in conducting screening and testing would be the best way to detect Covid-19 cases among foreign workers, said Real Estate and Housing Developers Association (Rehda) Penang chairman Tan Hun Beng.

Tan said if there was a positive Covid-19 case, then a lockdown should be imposed at the worksite and its quarters with mandatory screening for all the foreign workers.

"We must also ensure that all standard operating procedures are fully complied with.

"It's better to do it this way, rather than making foreign workers wear wristbands in public, which I feel is discriminatory and tantamount to stigmatising.

"This would only psychologically create fear of foreign workers among the public," he said.

Tan said every effort must be made to find a solution on how to curb the spread of the Covid-19 virus, rather than taking expedient measures which did not serve any purpose.

"It's not fair to implement a blanket solution by making them wear wristbands as not all foreign workers are carrying the virus and it causes unnecessary fear among the people," he added.

There are 15,000 registered construction workers in the state and all of them were screened for Covid-19 in a mass screening exercise in April, with costs partly borne by Rehda.

State local government committee chairman Jagdeep Singh Deo said what was more important was to get all foreign workers screened.

"Wearing a wristband does not really address the issue as the crux of the matter is to test foreign workers and prevent the spread of new clusters," he noted.

Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob had said that the government was mulling whether foreign workers should be made to wear wristbands to identify them in public in light of the increase in Covid-19 cases linked to them.

He said a decision would be known at today's National Security Council (MKN) meeting.

